

KATA KAUNSELOR DAN DOKTOR:

BERSAMA



► FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

Usah mudah fikir diri kena sihir

ADA yang mendakwa nasi yang dimasak cepat basi biarpun belum setengah hari.

Bagi mereka, ini petanda bahawa keluarga mereka menjadi mangsa perbuatan sihir.

Ada juga sesetengah pasangan percaya mereka menjadi mangsa sihir yang 'dihantar' menerusi laman Facebook.

Itulah antara dakwaan sesetengah klien yang tampil untuk kaunseling menyusuli masalah rumah tangga mereka.

Menurut Pengarah Pusat Hab Perkahwinan Angkatan Karyawan Islam (AMP), Cik Zaleha Ahmad, daripada 10 klien yang ditemuinya, sekurang-kurangnya tiga percaya bahawa masalah rumah tangga mereka ada kaitan dengan ilmu hitam yang disasarkan kepada mereka.

Namun, beliau berkata pihaknya tidak akan menyokong atau menolak dakwaan klien mereka itu, sebaliknya akan mendengar sebelum meneroka pelbagai cara untuk pasangan itu mengatasi masalah yang dihadapi.

Cik Zaleha, seorang kaunselor bertauliah, memberi contoh salah satu kes yang ditanganinya apabila seor-

ang isteri mendakwa keluarganya menjadi sasaran ilmu hitam oleh seseorang yang dikenali menerusi Facebook.

"Menurut si isteri, setiap kali beliau adakan hubungan intim dengan si suami, beliau terpanchang wajah seorang lelaki lain.

"Katanya, beliau sekeluarga telah terkena perbuatan sihir atau 'guna-guna' lelaki itu.

"Apabila saya menyoal isteri berkenaan lebih lanjut, saya dapati beliau sebenarnya ada hubungan dengan lelaki lain.

"Beliau kata suaminya curang, namun si suami nafikan dakwaan itu," kata Cik Zaleha yang berkata pasangan itu masih lagi menjalani kaunseling dengannya.

Cik Zaleha mendapati isu komunikasi antara pasangan merupakan punca utama di sebalik masalah keretakan rumah tangga.

Kadangkala akibat kurang komunikasi, si isteri atau suami tidak tahu apa yang terkandung dalam hati pasangan mereka itu.

Dan apabila ini berlaku, kesannya adalah seperti pasangan mereka akan mula menjauhkan diri.

"Dalam satu kes lain, si suami mula tidur seorang diri di ruang tamu kerana isteri dah mula berubah seperti tidak masak, kurang beri perhatian kepadanya atau enggan keluar bersama.

"Biasanya hal ini berlaku sedang usia pasangan itu meningkat, kerana dalam hal ini, pihak isteri akan mempunyai kawan baru, mempunyai hobi baru atau mula mempunyai cucu," tambahnya.

Bagi Dr Nor Azhar Mohd Zam dari Zam Family Clinic, beliau tiada masalah dengan para pesakit yang percaya akan rawatan alternatif.

Beliau nasihatkan, yang penting sekali ialah pesakit tampil mendapatkan rawatan awal sebelum terlambat.

"Seperti contoh, sekiranya kaki seseorang itu bengkak secara tiba-tiba, ada yang percaya ada 'benda'.

"Tapi mungkin ia disebabkan jangkitan kulit dan jika itu masalahnya, ia mudah dirawat.

"Namun kalau terlewat, ia boleh merebak ke bahagian lain dan lebih serius lagi sekiranya si pesakit turut mengalami penyakit kencing manis, maka kesannya mungkin boleh memudaratkan," ujarnya.



BERI PANDUAN: Cik Zaleha (*berbaju hitam*) tidak akan menyokong atau menolak dakwaan sesetengah klien mereka bahawa mereka menjadi mangsa perbuatan sihir, sebaliknya akan mendengar sebelum meneroka pelbagai cara bagi sesuatu pasangan mengatasi masalah yang dihadapi. – Foto TAUFIK A. KADER

KES 1

Pura-pura dirasuk bagi elak diburu tailong

SEORANG lelaki berusia 30-an tahun tiba-tiba bersilat dan berbual seorang diri di rumahnya.

Kerana bimbang dan menyangka si anak dirasuk, ibunya menghubungi Encik Masod Said, pengamal rawatan alternatif.

Sejurus tiba di rumahnya itu, Encik Masod cuba mengajak lelaki itu berbual-bual dengannya.

Encik Masod mengesyaki ada sesuatu yang tidak kena.

Beliau kemudian meminta lelaki itu berterus terang kepadanya.

Akhirnya selepas dipujuk dengan baik, lelaki itu mengakui beliau sebenarnya bukan mangsa ilmu hitam sehingga beliau bersilat dan berbual sendirian.

"Beliau mengaku berbuat demikian kerana mahu mengelakkan diri daripada dikejar tailong yang cuba menjejaknya.

"Lelaki itu mengaku beliau berhutang dengan pemiutang terlarang.

"Jadi, untuk mengelakkan diri daripada dijejak tailong, beliau berpura-pura seolah-olah dirasuk atau menjadi mangsa perbuatan sibir," kata Encik Masod sambil tertawa mengingatkan kisah itu.

Meskipun begitu, bagi membantu memberi keyakinan kepada lelaki berkenaan, Encik Masod cuba memberikan kata-kata perangsang, menyuruhnya mendapatkan bantuan berupa nasihat daripada kaunselor dan membuat laporan polis.

KES 2

Mahu bunuh diri sebab nak tarik perhatian teman lelaki

AKIBAT putus cinta dan ditinggalkan teman lelakinya, seorang gadis 20-an tahun seolah-olah hilang semangat hidup.

Dia juga dikatakan mahu membunuh diri.

Kerana bimbang dan percaya bahawa anaknya menjadi mangsa ilmu hitam, si bapa menghubungi Encik Sazali Salleh, 55 tahun, yang menawarkan rawatan alternatif.

"Apabila saya datang bersama pak cik saya, si gadis meronta-ronta

dan memekik-mekik mahu bunuh diri.

"Kami cuba berbual dengannya. Daripada perbualan itu, kami dapati dia tidak mengalami sebarang gangguan atau jadi mangsa sibir," katanya.

Encik Sazali kemudian meminta keluarga gadis itu agar membiarkannya melakukan apa yang diinginkannya.

"Sejurus dilepaskan, si gadis terus memekik-mekik ingin mem-

bunuh diri, tapi tiada siapa yang menahannya."

Melihatkan tiada siapa cuba menahannya, si gadis kemudian duduk dan menangis teresak-esak dan mengaku dia sebenarnya bukan mangsa sibir, tetapi berbuat begitu kerana mahu menarik perhatian teman lelakinya itu.

Malangnya, percubaannya melakukan demikian dan bagi menarik perhatian teman lelakinya hanya menjadi bahan bualan ramai sahaja pada ketika itu.